

Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

Sembunyi paparan rumah

BAGAIMANAKAH cara untuk menghilangkan atau menyembunyikan gambar paparan rumah saya menerusi laman web *Google Street View*?

- DAN, Kerayong.

PENGGUNAAN aplikasi *Google Street View* memberi kemudahan untuk sesiapa sahaja mengetahui sesuatu tempat yang belum dikunjungi atau tujuan promosi untuk sesuatu tempat. Namun begitu, ia menjadi masalah privasi kepada empunya tempat yang dipaparkan dalam aplikasi *Google Street View*.

Dalam cerita *Ali Baba Bujang Lapok* lakonan Allahyarham Tan Sri P. Ramlee, penyamun telah membuat pangkah pada pintu sebuah rumah bagi menandakan rumah itu kepunyaan Ali Baba. Masalah yang sama juga boleh berlaku dalam aplikasi *Google Street View* ini.

Jadi, gambar sesuatu rumah, tempat atau apa sahaja yang dipaparkan dalam aplikasi *Google Street View* itu tidak boleh dihilangkan atau dipadam tetapi gambar tersebut boleh dibuat kabur seperti akan dibincangkan seterusnya.

1 Buka laman web, *Google Map* dan taip alamat tempat yang gambarnya hendak dibuat kabur menerusinya.

2 Lihat ke bawah sebelah kanan laman web, terdapat satu ikon yang dilabel sebagai *report a problem*.

3 Klik pada ikon *report a problem* tersebut.

4 Seterusnya akan dapat satu laman yang dilabel sebagai *report inappropriate street view*.

5 Laraskan gambar yang hendak dikaburkan itu agar masuk ke dalam satu kotak berwarna merah.

6 Isi maklumat yang diperlukan dalam satu borang.

7 Taip kod pengesahan di bawah halaman ke dalam kotak yang disediakan dan klik butang *Submit*.

Buat semakan kembali beberapa hari selepas itu untuk memastikan sama ada gambar tersebut telah dikaburkan atau belum.